

Empat kakitangan awam disyaki rasuah kena reman

3 suspek bantu siasatan kes suapan RM4,600 daripada kilang baja tak berlesen

Oleh Nor Farhani Che Ad
bhnews@bh.com.my

Sungai Petani: Tiga pegawai Majlis Daerah Yan dan seorang pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) direman enam hari bermula semalam bagi membantu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Perintah reman dikeluarkan Penolong Pendaftar, Mohamad Alif Abdul Aziz, ke atas empat suspek itu bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Terdahulu, semua suspek

tiba di Mahkamah Sungai Petani diiringi anggota SPRM negeri sekitar jam 9.45 pagi.

Sumber SPRM berkata, tiga pegawai Majlis Daerah Yan yang masing-masing berusia 54, 53 dan 50 tahun, ditahan di pejabat daerah terabit bagi membantu siasatan susulan dakwaan menerima suapan.

Ketiga-tiga suspek didakwa menerima suapan RM4,600 antara Ogos hingga September tahun lalu daripada kilang baja tidak berlesen sekitar daerah Yan.

Katanya, ia didakwa sebagai dorongan untuk memproses permohonan lesen kilang baja

walaupun dalam pengetahuan mereka, bangunan kilang terabit tidak memenuhi spesifikasi sebagai sebuah kilang.

Sementara itu, pegawai KP-DNHEP berusia 37 tahun dari pejabat Anak Bukit, Alor Setar, turut disiasat berkaitan dakwaan menerima suapan RM11,000 dan sebuah telefon bimbit bernilai RM1,300 daripada pengusaha kilang yang sama.

"Ia sebagai dorongan membantu mempercepatkan proses permohonan lesen CSA (Akta Kawalan Bekalan) Dia ditahan di rumahnya di Alor Setar sekitar jam 12 hingga 1 tengah hari semalam," katanya.



Tiga pegawai Majlis Daerah Yan, pegawai KPDNHEP (kanan) diiringi pegawai SPRM ke Mahkamah Sungai Petani, semalam. (Foto Amran Hamid/BH)